

07 MAY 1997

Mahathir-Afrika Selatan

MAHATHIR TIBA DI AFRIKA SELATAN UNTUK TERIMA ANUGERAH

Oleh: E.Sivabalan

CAPE TOWN, 7 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan sehari ke Afrika Selatan, negara terakhir yang dikunjungnya dalam rangka lawatan seminggu ke negara selatan Afrika.

Dr Mahathir sebelum ini melawat republik Malawi dari 1 hingga 2 Mei dan Botswana dari 3 hingga 6 Mei. Semasa di Botswana, Perdana Menteri menghadiri dialog Antarabangsa Selatan Afrika mengenai Perkongsian Pintar yang bermula pada 4 Mei di Kasane, kira-kira 1,300km di utara Gaborone, ibukota Botswana.

Perdana Menteri yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di pangkalan tentera udara Ysterplaat di Cape Town kira-kira pukul 10.45 pagi (4.45 petang waktu Malaysia).

Mereka disambut oleh Pemangku Menteri Luar Afrika Selatan Puan Stella Sigcau.

Semasa lawatan singkatnya di sini, Dr Mahathir dijadual menerima anugerah emas Order of Good Hope (Kelas Pertama) daripada Presiden Nelson Mandela di "Genanenda", kediaman rasmi Presiden.

Ia merupakan anugerah tertinggi yang diberikan oleh Republik Afrika Selatan sebagai penghormatan kepada warganegara negara-negara lain yang telah melalui usaha peribadi mereka menyumbang kepada kesejahteraan rakyat Afrika Selatan yang oleh itu seharusnya diberi penghormatan dan pengiktirafan oleh Republik ini.

Perdana Menteri yang melakukan lawatan rasmi pertamanya ke Afrika Selatan pada Ogos 1995, akan turut merasmikan "Serting House", ibu pejabat syarikat Malaysia, Serting Berhad.

Dr Mahathir juga dijadual menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara CN Asia Corporation Berhad dan Dorbyl Heavy Engineering Afrika Selatan.

Dr Mahathir dijangka berlepas dari Cape Town ke Kuala Lumpur pada pukul

5.20 petang (11.20 malam waktu Malaysia). Beliau dijadual tiba di tanahair pada pukul 1.30 petang esok.

Selain daripada Serting, syarikat terkemuka Malaysia lain yang telah banyak melabur di Afrika Selatan ialah Petronas dengan ekuiti permulaan sebanyak 30 peratus atau 1.9 bilion Rand (kira-kira RM1 bilion) dalam syarikat minyak Afrika Selatan - Engen, Mycom Berhad, Country Heights, Sime Darby, Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) and SungeiWay Group.

Semasa lawatan Mandela ke Malaysia Mac lepas, tiga lagi syarikat Malaysia menandatangani perjanjian secara berasingan dengan syarikat Afrika Selatan, dua daripadanya melibatkan pelaburan berjumlah RM2.63 bilion.

Perjanjian itu ialah antara Jaringan Infrastructure Sdn Bhd dan Plessey Afrika Selatan, ABI Construction Sdn Bhd dan Trakprops 31 Pty Ltd serta Diversified Systems Sdn Bhd dan Malefane Entertainment (Pty) Ltd.

Telekom Malaysia Berhad juga baru-baru ini berjaya memperolehi 30 peratus saham dalam Telkom SA sebanyak AS\$1.261 bilion (RM2.127 bilion).

Dalam tempoh sembilan bulan, sehingga September 1996, jumlah perdagangan antara Afrika Selatan dan Malaysia ialah sebanyak US\$389 juta (kira-kira RM968.9 juta), meningkat 3.9 peratus berbanding tempoh yang sama pada 1995.

Jumlah eksport Malaysia ke Afrika Selatan sepanjang tempoh itu ialah sebanyak AS\$216 juta (kira-kira RM537.8 juta) berbanding import dari Afrika Selatan berjumlah hanya US\$174 juta (kira-kira RM433.26 juta), menunjukkan lebihan dagangan yang memihak kepada Malaysia. -- BERNAMA

ES RON